

PENTERJEMAHAN HOMONIM ARAB-MELAYU DALAM DOMAIN KETAKUTAN: SATU ANALISIS TEORI RELEVAN

Roslan ALI*¹

Fatimah SUBET²

Maheram AHMAD³

^{1,2} Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Malaysia Sarawak, 94300 Kota Samarahan, Sarawak.

³ Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor.

¹aroslan@unimas.my

²sufatimah@unimas.my

³maheram@ukm.edu.my

**Corresponding author*

ABSTRAK

Homonim yang terdapat dalam al-Quran al-Karim mendatangkan masalah kepada pembaca kerana mempunyai ejaan dan sebutan yang sama tetapi berbeza makna. Perbezaan makna ini pula menyebabkan kesukaran kepada penterjemah untuk memilih padanan terjemahan yang sesuai dan tepat. Sehubungan dengan itu, kajian ini berusaha untuk mendapatkan gambaran kognitif dan padanan yang lebih jelas, relevan, mudah difahami dan apabila dibaca terasa sedekat mungkin dengan khalayak pembaca di alam Melayu (Nusantara). Kajian ini berbentuk kualitatif dengan menerapkan Teori Relevan (TR) yang diperkenalkan oleh Sperber dan Wilson (1986, 1995). Penerapan tiga gagasan penting dalam TR, iaitu konteks, kesan kognitif dan usaha memproses akan digunakan untuk menganalisis dan menghuraikan data kajian. Data kajian diambil daripada kitab suci al-Quran al-Karim yang bertemakan “ketakutan”. Dapatan kajian dianalisis menggunakan TR yang mampu memberikan gambaran yang lebih jelas, relevan, makna yang boleh dipertanggungjawabkan serta kena benar dengan budaya landskap masyarakat di alam Melayu ini. Selain makna linguistik, TR juga mampu menganalisis makna siratan meskipun dalam perkataan yang berhomonim. Akhirnya, dapatan kajian ini dijangka dapat membantu para penterjemah Arab-Melayu-Arab dalam usaha mencari padanan makna yang sesuai dan sejadi meskipun dalam teks agama.

Kata Kunci: homonim; gambaran kognitif; teori Relevan; ketakutan; makna